



Maybank

MALAYAN BANKING BERHAD

(No. Syarikat 3813-K)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat, 1940-1946)

NOTIS TARIKH PENUTUPAN BUKU UNTUK DIVIDEN AKHIR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2010 DAN TARIKH-TARIKH UTAMA LAIN UNTUK PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Rekod Pendeposit bagi saham-saham biasa Malayan Banking Berhad ("**Maybank**") akan ditutup pada jam 5.00 petang pada 22 November 2010 ("**Tarikh Kelayakan**") untuk menentukan kelayakan pemegang-pemegang saham bagi dividen tunai akhir sebanyak RM0.44 setiap saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang dipegang dalam Maybank ("**Saham Maybank**") tolak 25% cukai bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2010, yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Maybank di mesyuarat agung tahunan yang diadakan pada 29 September 2010 ("**Dividen Akhir**").

DAN BAHAWA pemegang-pemegang saham Maybank layak untuk Dividen Akhir hanya apabila:

- Saham Maybank didepositkan ke dalam Akaun Sekuriti Pendeposit sebelum jam 12.30 tengahari pada 18 November 2010 (bagi saham-saham yang dikecualikan daripada deposit mandatori);
- Saham Maybank dipindahkan ke Akaun Sekuriti Pendeposit bagi pindahan biasa sebelum jam 4.00 petang pada 22 November 2010; dan
- Saham Maybank dibeli termasuk asas kelayakan di Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") berdasarkan peraturan-peraturan Bursa Securities (iaitu sebelum jam 5.00 petang pada 16 November 2010).

DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA pelan pelaburan semula dividen yang boleh dipilih dan berulang (Dividend Reinvestment Plan atau "**DRP**") yang membenarkan pemegang-pemegang saham Maybank untuk melabur semula dividen tunai mereka ke dalam Saham Maybank baru adalah untuk pembayaran Dividen Akhir, di mana bahagian boleh pilih kasar daripada Dividen Akhir adalah RM0.40 bagi setiap Saham Maybank yang dipegang (RM0.30 bersih bagi setiap Saham Maybank) tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam dokumen dan borang DRP yang berkaitan yang akan dihantar kepada pemegang-pemegang saham yang layak dua (2) hari pasaran selepas Tarikh Kelayakan (iaitu menjelang 24 November 2010).

Tarikh tutup untuk mengambil bahagian dalam DRP disasarkan pada 8 Disember 2010. Harga terbitan Saham Maybank baru yang akan diterbitkan sehubungan dengan DRP telah ditetapkan pada RM7.70 bagi setiap Saham Maybank baru ("**Harga Terbitan**"). Harga Terbitan ini berdasarkan lima (5) hari jumlah pasaran purata wajar (Volume Weighted Average Market Price atau "**VWAMP**") sebanyak RM8.99 setiap Saham Maybank sehingga dan termasuk 3 November 2010, yang merupakan hari dagangan terakhir sebelum 4 November 2010, sebagai tarikh penetapan harga bagi Harga Terbitan, selepas menyelaraskan yang berikut:

- penyelarasan dividen kasar sebanyak RM0.44 daripada lima (5)-hari VWAMP ("**VWAMP Tanpa-Dividen**"); dan
- diskaun sebanyak RM0.85 iaitu lebih kurang 9.9% diskaun daripada VWAMP Tanpa-Dividen sebanyak RM8.55.

Jangkaan tarikh bagi terbitan dan peruntukan Saham Maybank baru serta pembayaran dividen tunai kepada pemegang saham yang layak adalah pada 20 Disember 2010.

Dengan perintah Lembaga Pengarah

MOHD NAZLAN MOHD GHAZALI
(LS 0008977)

Setiausaha Syarikat

15 November 2010